

# **HATIMU AISYAH KARYA ZURINAH HASSAN MENERUSI PERSPEKTIF ELAINE SHOWALTER MODEL BAHASA**

NUR ZALIKHA BINTI MAT RADZI\*

NASIRIN ABDILLAH\*\*

DAENG HALIZA DAENG JAMAL\*\*\*

zalikha\_c18d021f@siswa.umk.edu.my\*, nasirin@umk.edu.my\*\*, haliza.j@umk.edu.my\*\*\*

## **Abstrak**

*Hatimu Aisyah* karya Sasterawan Negara ke-13 iaitu - Zurinah Hassan, yang juga penerima Anugerah Hadiah Penulis Asia Tenggara (SEA Write Award) pada tahun 2004. Rentetan kejayaan beliau, telah menjadi tumpuan para pengkaji untuk meneliti aspek mengenai pengarang wanita. *Hatimu Aisyah* merupakan novel pertama dihasilkan oleh Zurinah Hassan yang menekankan mengenai amalan adat resam zaman terdahulu sehingga ditelan arus pemodenan zaman. Novel *Hatimu Aisyah* mengetengahkan gambaran wanita yang mengutamakan adat dalam konteks perjalanan hidup bermasyarakat. Kajian terhadap karya Zurinah Hassan ini, bersandarkan kepada Model Bahasa Gagasan Elaine Showalter dari perspektif ginokritik untuk melihat watak-watak wanita. Antara Perbincangan dalam kajian ini adalah berfokuskan kepada simbolik bahasa dan bahasa sebagai ekspresi kesedaran wanita. Hasil dapatan keseluruhan kajian menunjukkan bahawa Zurinah Hassan menggunakan bahasa yang bersesuaian dengan gagasan bahasa daripada Elaine Showalter tetapi agak kurang menyerlah. Hal ini disebabkan keterbatasan penggunaan bahasa selaras dengan sosiobudaya masyarakat Melayu. Penemuan kajian ini dalam model bahasa wanita dapat dilihat menerusi simbolik bahasa dan bahasa sebagai ekspresi kesedaran wanita. Hasil manfaat dan kepentingan diperolehi masa hadapan dapat dilihat bahawa golongan wanita menzahirkan protes dan kritikan menerusi corak penulisan karya mereka meskipun masih dalam keadaan terkawal.

**Kata Kunci:** Feminisme, *Hatimu Aisyah*, Model Bahasa Ginokritik, Sastera Melayu, Zurinah Hassan

Dihantar: 25 Februari 2020

Disemak: 14 April 2020

Diterbit: 31 September 2020

\*Pelajar Sarjana di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

\*\*Pensyarah Kanan di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan

\*\*\*Pensyarah di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan



# HATIMU AISYAH BY ZURINAH HASSAN THROUGH PERSPECTIVE ELAINE SHOWALTER LANGUAGE MODEL

NUR ZALIKHA BINTI MAT RADZI\*

NASIRIN ABDILLAH\*\*

DAENG HALIZA DAENG JAMAL\*\*\*

zalikha\_c18d021f@siswa.umk.edu.my\*, nasirin@umk.edu.my\*\*, haliza.j@umk.edu.my\*\*\*

## Abstract

*Hatimu Aisyah* the 13th National literary works, namely-Zurinah Hassan, who is also the recipient of the Southeast Asian Writer award (SEA Write Award) in 2004. His success string has been the focus of researchers to examine the aspects of women's writings. *Hatimu Aisyah* is the first novel to be produced by Zurinah Hassan that emphasizes on the historical practices of the past, having swallowed the current modernization of the day. The *Hatimu Aisyah* Novel highlights the portrayal of women who are custom-centric in the context of the communities life. Studies on Zurinah Hassan's work are based on the language Model of Elaine Showalter from the perspective of Ginokritik to see the female characters. Among the discussions in this study are focused on symbolic language and language as a expression of women's awareness. The overall findings of the study showed that Zurinah Hassan used a language that fits the language idea of Elaine Showalter but was somewhat less striking. This is due to the limitations of usage in line with the Malay social. The findings of this study in female language models can be seen through the symbolic language and language in the expression of women's awareness. The results of the benefits and interests gained future can be seen that women are in their protest and criticism through their work writing patterns despite being controlled.

**Keywords:** Feminism, *Hatimu Aisyah*, Ginokritik Language Model, Malay Literature, Zurinah Hassan

Submitted: 25 February 2020

Revised: 14 April 2020

Published: 31 September 2020

\*Master student at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

\*\* Senior Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.

\*\*\* Lecturer at Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia.



## 1.0 Pendahuluan

*Novel Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, pada tahun 1991. Plot penceritaan dalam novel ini mengisahkan kaum wanita yang terdiri daripada watak utama iaitu Aisyah. Aisyah merupakan seorang wanita yang melalui fasa kehidupan dua dekad sehingga mencapai era permodenan. Adat terdahulu yang diamalkan Aisyah, menjadi persoalan sehingga dikatakan tidak relevan dalam perkembangan semasa. Karya ini memperlihatkan kreativiti pengarang dengan memaparkan kehidupan kaum wanita dari dua dekad sebagai cetusan idea, di samping penyampaian mesej tersirat menerusi watak-watak yang dizahirkan. Zurinah Hassan turut mengangkat martabat kaum wanita menerusi perjalanan liku-liku kehidupan yang dilalui dengan tabah. Oleh itu, pengarang membina bahasa menerusi watak-watak wanita yang mempunyai keperibadian yang tinggi dari pelbagai aspek. Justeru itu, kajian ini menggunakan pendekatan Ginokritik sebagai meneliti sifat kewanitaan yang tercemin melalui watak dalam novel ini.

Ginokritik merupakan cabang feminisme daripada gagasan Elaine Showalter. Pendekatan ini menekankan aspek utama dalam kajian berkaitan wanita yang melihat wanita sebagai pengarang, pengeluar atau wanita itu sebagai penghasilan yang menganalisis sesebuah teks kesusasteraan bagi mewujudkan persoalan mengenai beberapa bentuk. Bentuk-bentuk tersebut adalah persoalan mengenai sejarah, tema, genre dan struktur penulisan yang dihasilkan sepenuhnya oleh kaum wanita itu sendiri. Menerusi gagasan Showalter dalam pendekatan Ginokritik terdapat empat model iaitu biologi, bahasa, psikologi dan budaya. Akan tetapi, kajian ini hanya berfokuskan kepada model bahasa sahaja.

Bagi model bahasa, Showalter percaya pada dirinya bahawa bahasa antara lelaki dan wanita mempunyai perbezaan yang khusus sama ada dari aspek pertuturan, intonasi, dan gaya bahasa yang digunakan oleh mereka (Shoshana Felman: 1982:23). Oleh itu, Showalter berpendapat dan percaya bahawa kewujudan bahasa adalah berbeza antara lelaki dan wanita. Maka, kajian ini akan menganalisis isu-isu wanita dalam novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan menerusi aplikasi model bahasa.

## 2.0 Tinjauan Kesusasteraan

Berdasarkan sorotan kajian, Novi. karya Zurinah Hassan tidak ramai pengkaji lain yang mengkaji teks ini. Namun, ditemui beberapa kajian akademik berkenaan karya puisi moden Zurinah Hassan, dianalisis dari pelbagai perspektif pendekatan dan teori. Namun, kajian ilmiah analisis teks kesusasteraan Melayu lebih menjurus kepada penggunaan teori feminisme. Pendekatan Ginokritik adalah salah satu cabang daripada teori feminisme yang mengkaji khusus tentang wanita. Kajian oleh Siti Khariah Mohd Zubir (2004) yang menggunakan teori feminisme diikuti dengan tiga lagi pendekatan iaitu psikologi, sosiologi dan pendekatan moral bagi mengkaji persoalan tentang citra wanita. Sebanyak 15 buah novel digunakan dalam kajian beliau. Watak-watak yang dipilih tertumpu kepada watak utama dan watak sampingan yang melihat kepada tiga aspek iaitu sosio-ekonomi, sosio-politik dan sosio-budaya.

Indah Ika Ratnawati (2018) menyentuh mengenai perjuangan hak-hak kedudukan wanita yang dipinggirkan dalam kelompok sosial. Teori Feminisme digunakan dalam analisis teks novel *Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan* karya Ihsan Abdul Quddus dengan meneliti watak profeminisme

dan watak kontra feminisme. Magaswari Eliyami Subramaniam (2016) menggunakan teori feminisme Naomi Wolf dalam novel-novel terpilih M. Ramaih. Kajian tersebut mendapati bahawa pengkarya mempamerkan beberapa persoalan wanita seperti tidak mampu membela nasib mereka sendiri, namun memperlihatkan wanita moden di Malaysia dengan menunjukkan tindak balas yang positif. Kajian seterusnya dilakukan oleh Elizatul Nastaysah Kamaruddin dan Mohd. Zariat Abdul Rani (2017), yang turut mengetengahkan persoalan wanita dalam cerpen-cerpen karya Hamzah Hussin. Namun, kajian yang dilakukan tidak begitu menonjol mengenai kaum wanita dalam watak-watak yang di ketengahkan, sebaliknya memaparkan perwatakan wanita Melayu menyanggah syariat Islam.

Berdasarkan buku terbitan USM dihasilkan oleh Norhayati Ab. Rahman (2012) dalam kajian peringkat kedoktoran berjudul *Puitika Sastera Wanita dalam novel-novel pengarang wanita Indonesia dan Malaysia: satu bacaan Ginokritik*. Kajian ini memanfaatkan keempat-empat pengaplikasian model ginokritik Elaine Showalter dalam mengkaji novel pengarang wanita Malaysia dan Indonesia. Hasil perbincangan perbezaan ketara dari pengaruh sosiobudaya, sistem politik dan latar belakang pengarang wanita. Namun kajian membuktikan manfaat berbeza tema, genra, sejarah dan struktur dalam penghasilan makna teks tersendiri. Nur Syifaa Atikah Nordin dan Che Abdullah Che Ya (2018) yang turut menggunakan teori Ginokritik tetapi berfokuskan kepada model psikologi. Bidadari karya Aminah Mokhtar hasil terbitan Institut terjemahan dan buku Malaysia (ITBM) digunakan untuk memperlihatkan permasalahan wanita yang dibangkitkan. Namun, model psikologi wanita memperlihatkan bagaimana perwatakan jiwa wanita dan budaya wanita bersama wanita lain dalam membentuk sebuah hubungan yang kukuh. Hasil perbincangan memaparkan golongan wanita dalam menempuhi kehidupan yang di dominasi kaum lelaki adalah bersemangat wajar dan tabah.

### **3.0 Metodologi**

Kajian ini adalah bersifat tekstual dengan menganalisis novel *Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan secara kualitatif. Kaedah analisis dokumen seperti buku, tesis, artikel jurnal, dan makalah digunakan sebagai rujukan dalam penghuraian teori berkaitan kajian yang dijalankan. Tambahan pula, kaedah ini bersesuaian dengan tajuk bagi memantapkan proses perjalanan kajian. Pendekatan feminisme dalam gagasan Elaine Showalter menerusi model-model ginokritik dari sudut Model Bahasa dipilih sebagai penganalisan dalam novel *Hatimu Aisyah*.

### **4.0 Dapatan dan Perbincangan Kajian**

#### **4.1 Bahasa Wanita**

Bahasa wanita adalah model kedua dalam pendekatan Ginokritik oleh gagasan Elaine Showalter untuk melihat bahasa yang digunakan oleh lelaki untuk mempengaruhi akal fikiran dan penindasan pendapat yang menjadi tanggapan kaum lelaki (Elaine Showalter: 1982:20). Namun, Showalter (1982) menyatakan ahli Ginokritik daripada Amerika dan Inggeris tidak mempunyai bukti sahih untuk dijadikan rujukan kepada kewujudan bahasa sama ada dari segi jantina ataupun jantina yang mempengaruhi sistem dalam bahasa.

#### 4.1.1 Simbolik Bahasa

Simbolik bahasa digunakan oleh pengarang Zurinah Hassan berdasarkan analisis dalam novel *Hatimu Aisyah*. Beliau menggunakan gaya bahasa tertentu dalam penyampaian mesej kepada pembaca. Gaya bahasa yang digunakan berkecenderungan kepada bahasa kiasan sebagai perlambangan wanita dalam karya yang dihasilkan. Pengarang membangkitkan persoalan wanita menerusi bahasa kiasan yang membawa maksud tersirat. Berikut merupakan petikan berkenaan bahasa kiasan yang dipetik dalam novel *Hatimu Aisyah* di awal penceritaan:

“Katanya, anak dara tidak boleh duduk tersadai di tangga nanti tidak diminta orang.”

(*Hatimu Aisyah*: 60)

Petikan tersebut merujuk kepada watak Aisyah yang memegang status ‘Anak Dara’ Bagi perempuan yang belum berkahwin tidak boleh bertandang di tepi tangga sambil berborak. Zaman terdahulu, masyarakat melarang anak dara bersadai di tepi tangga. Sebagai wanita yang belum berkahwin, mereka tidak dibenarkan mendedahkan tubuh badan di khalayak ramai. Hal ini disebabkan oleh tanggapan orang terdahulu mengatakan bahawa anak dara bersadai di tepi tangga tidak mempunyai akhlak yang baik. Tanggapan tersebut akan menimbulkan fitnah dalam khalayak ramai sehingga mampu menjatuhkan maruah sebagai seorang wanita. Akibat dari sebarang fitnah, akan menyebabkan kaum wanita mendapat padah kesan tanggapan negatif masyarakat terhadap mereka yang masih dara. Ekoran tanggapan negatif tersebut menyukarkan mereka disunting pihak lelaki untuk diperisterikan kelak. Simbolik bahasa yang digunakan pada karya Zurinah Hassan mencerminkan watak Ibu Aisyah yang mementingkan adat dan Aisyah pula sebagai anak dara perlu patuh dan akur kehendak adat yang telah menjadi amalan zaman berzaman. Hal ini disebabkan watak Aisyah yang kerap melanggar pantang larang sehingga menjadi sasaran bebelan oleh ibunya.

Pengarang turut memaparkan seorang wanita yang telah bergelar isteri seperti petikan di bawah:

“Dia berasakan perkahwinan telah membebaskan dia daripada kehidupan perawan pingitan yang penuh dengan kongkongan dan peraturan. Kini dia seperti burung yang baru terlepas daripada sangkar untuk terbang bebas menikmati keindahan alam.”

(*Hatimu Aisyah*: 101)

“Setiap siang, dia adalah burung yang baru dibebaskan untuk terbang menikmati sinar indah. Setiap malam dia adalah dewi asmara yang turun bermandi di kolam madu penuh nikmat.”

(*Hatimu Aisyah*: 102)

Simbolik bahasa yang digunakan merujuk kepada watak Aisyah bebas menikmati kehidupan tanpa sebarang halangan setelah tidak memegang status ‘anak dara’. Simbolik ‘Burung’ sebagai gambaran diri watak Aisyah yang berkaitan dengan sifat-sifat bebas berterbangan ke atas langit



dan menikmati alam ciptaan Allah swt. 'Dewi Asmara' pula membawa simbolik bahasa kepada watak-watak yang telah berkahwin perlu menjalankan tanggungjawab sebagai isteri dalam memenuhi kesempurnaan hidup berumah tangga. Berdasarkan simbolik bahasa yang digunakan oleh Zurinah Hassan menunjukkan bahawa pengarang ini menyampaikan mesej kepada pembaca menerusi watak Aisyah tentang kebahagiaan yang diperolehi selepas berkahwin.

“Jamilah semakin membesar dan berkembang sebagai sekuntum bunga yang harum. Keharumannya mula menarik perhatian seluruh pemuda kampung”.

*(Hatimu Aisyah: 197)*

Zurinah Hassan sebagai pengarang turut menyentuh perihal tanggungjawab wanita terhadap anak menerusi gaya bahasa metafora yang dipaparkan dalam petikan diatas iaitu “sekuntum bunga yang harum”. Maksud di sebalik gaya bahasa yang digunakan itu, menggambarkan watak Jamilah sebagai anak Aisyah yang semakin meningkat dewasa dan menjadi perhatian umum dari segi rupa paras serta mampu menarik perhatian ajnabi di kampung mereka. Konteks 'bunga' pula melambangkan kaum wanita yang sifatnya cantik, ayu dan sedap mata memandang. Proses perubahan menjadi 'anak dara' akan menjadi perhatian orang kampung untuk merisik dan, memiming untuk dijadikan isteri dan menantu dalam sesebuah keluarga baharu.

Petikan seterusnya dipaparkan pengarang tentang seorang wanita yang telah memperolehi anak menerusi gaya bahasa berikut:

“Benarlah seperti kata orang tua-tua, “kecil-kecil ditimang ibu, sudah besar ditimang gelombang”.

*(Hatimu Aisyah: 228)*

Perlambangan simbolik bahasa yang digunakan oleh pengarang menggambarkan anak perempuan sewaktu kecil ditatang bagaikan minyak yang penuh. Apabila telah meningkat dewasa, anak-anak akan dipengaruhi alam perubahan dalam kehidupan mereka. Watak yang diperkatakan oleh pengarang adalah melalui watak Aisyah sebagai seorang ibu yang merasakan diri semakin dimamah usia dan sunyi setelah anak meningkat dewasa serta menjalani kehidupan masing-masing. Cerminan watak dizahirkan kepada anak-anaknya yang terdiri daripada Hamid, Latifah, Aziz dan Rohani. Simbolik bahasa yang digunakan secara tidak langsung mencorakkan emosi, konflik dan gangguan minda pada watak Aisyah apabila terpaksa menerima hakikat anak-anaknya mula membesar dan telah mendirikan rumah tangga. Meskipun begitu, pengarang turut menyelitkan tentang wanita yang bersyukur atas takdir yang diberikan oleh Allah swt menerusi watak Aisyah. Rasa syukur dizahirkan pada watak Aisyah kerana meskipun anaknya Aziz telah mendirikan rumah tangga bersama Rohani, namun anak-anaknya masih sedar akan tanggungjawab dalam menjaga orang tua mereka.

“Kalau tidak kerana Zawayah atau Zaharah yang datang sekali-sekala, maka dia akan hidup bagai burung hantu yang menunggu rumah tua”.

*(Hatimu Aisyah: 238)*

Elemen simbolik bahasa, terus dicerminkan Zurinah Hassan dengan memaparkan seorang



wanita yang telah menjangkau ke alam usia senja. Frasa 'Burung Hantu' melambangkan wanita yang bersendirian dalam menjalani kehidupan harian. Hal ini dipaparkan pengarang melalui watak Aisyah yang mulai hidup bersendirian setelah anak-anaknya kembali menjalani kehidupan seperti biasa. Namun, pengarang tidak membiarkan watak Aisyah sebagai wanita tua yang hidup sebatang kara, tetapi menjelmakan kehadiran watak Zawayah atau Zaharah bagi mengisi kekosongan jiwa Aisyah.

#### 4.1.2 Bahasa sebagai ekspresi kesedaran wanita

Kepengarangan Zurinah Hassan melalui gaya bahasa yang bercirikan tentang kehidupan wanita, tidak terbatas kepada aspek-aspek tertentu sahaja. Gaya bahasa kiasan digunakan bagi melambangkan emosi dan kehendak wanita. Retentan daripada itu, Zurinah Hassan didapati tiada usaha untuk menggunakan sistem penandaan yang menjadi kebiasaan pengarang lelaki menggunakannya seperti menjadi satu perbualan para feminis terutama Elaine Showalter melalui model bahasa dalam pendekatan Ginokritik. Menerusi artikel Berita Harian (2016) berjudul "corak penulisan wanita tidak berubah" hasil tulisan Zaleha Ahmat yang juga merupakan pengarang yang banyak menulis kritikan sastera menzahirkan kebimbangan pada ketiadaan perubahan dalam corak penulisan wanita. Penekanan diperincikan pada olahan dan teknik penceritaan dari segi tema pengulangan dan kebanyakan dalam kalangan pengarang wanita tidak mampu menandingi kreativiti pengarang lelaki. Walau bagaimanapun, Zurinah Hassan lebih selasa menggunakan gaya penulisan general yang menjadi sinonim dalam kalangan para pengkarya sastera. Situasi ini menunjukkan bahawa Zurinah Hassan tiada usaha dalam membina bahasa wanita itu sendiri. Akan tetapi, Zurinah Hassan memiliki cara tersendiri dalam penulisan novel *Hatimu Aisyah* iaitu yang memfokuskan kepada matlamat yang menjadi tunjang persoalan menerusi pengalaman seorang wanita.

Menerusi *Hatimu Aisyah*, Zurinah Hassan memilih gaya kata majmuk yang di manfaatkan dalam penulisan sekaligus memaparkan ekspresi kesedaran melalui watak Aisyah sebagai anak perempuan sulung yang mengalami pergolakan jiwa. Watak Aisyah digambarkan pengarang memiliki keinginan yang tersendiri. Pengarang menekankan gambaran jiwa Aisyah sebagai anak perempuan sulung dalam sebuah keluarga, menerusi bentuk dan kata pada setiap ayat yang menggambarkan perasaan wanita dalam keadaan situasi tertentu. Contoh paparan kesedaran dan kehampaan jiwa wanita akibat tekanan dengan jurang kebebasan serta kekuasaan yang dimiliki oleh anak lelaki adalah seperti petikan berikut:

"Kadang-kadang dia menyoal mengapa dia harus menjadi anak perempuan yang tertua di dalam rumah itu. Alangkah beruntungnya kalau dia menjadi Abang Mat. Abang Mat lebih tua daripadanya tetapi dia tidak payah mencuci pinggan dan tidak payah mendukung adik. Sebaliknya dia bermain-main sesuka hati. Dia bebas berjalan ke sana ke mari".

(*Hatimu Aisyah*: 8)

"Jiwa Aisyah memberontak, bukan kerana dia tidak mahu menolong ibu tetapi kerana tidak satu pun tugas yang dibuatnya menyukakan hati ibu".

(*Hatimu Aisyah:11*)

“Lama-kelamaan Aisyah menganggap dirinya sebagai seorang yang malang, kerana tidak pandai membuat kerja seperti yang dikehendaki ibunya. Namun dia mesti terus membuat kerja-kerja di dapur kerana dia seorang perempuan. Kalau tidak tahu memasak bagaimanakah dia akan hidup kerana orang perempuan mesti berkahwin dan memasak untuk anak-anak dan suaminya”.

(*Hatimu Aisyah: 12*)

Petikan tersebut memperlihatkan pernyataan yang berbaur ketidakpuasan terzahir daripada hati seorang wanita. Kata seperti ‘mengapa’, ‘memberontak’, ‘malang’, ‘geram’ dan ‘kecewa’, memberi satu gambaran menyelami jiwa perasaan kaum wanita. Selain itu, perkataan yang digunakan menjelaskan tentang keupayaan pengarang dalam memanfaatkan bahasa yang digunakan sebagai ungkapan pemikiran wanita menerusi penghasilan karya yang dihasilkan.

Tambahan lagi, bahasa yang digunakan pengarang menunjukkan emosi pada watak Aisyah sebagai wanita yang terpaksa menerima takdir pertunangan yang telah diaturkan oleh keluarga tanpa berbincang dengan dirinya.

“Aisyah membuka gengaman, dengan perasaan yang bergelora dia membuka bungkusan kuning itu.”

“Pakai!” Aisyah teringat akan perintah ibu yang tegas dan keras tadi.

“Sebentuk cincin berbatu merah bersinar dalam kegelapan. Aisyah pun menyarungkan cincin itu ke jari manisnya dengan gementar. Kemudian dia memejamkan mata dan dadanya masih gementar”.

(*Hatimu Aisyah: 70*)

‘gementar’, ‘pakai’, ‘memejamkan’ adalah gaya pemilihan kata yang digunakan oleh pengarang bagi memaparkan ekspresi gaya bahasa badan wanita menerusi penulisan seorang wanita. Pengarang menggarapkan ciri-ciri bahasa daripada gagasan Elaine Showalter sebagai tujuan penyampaian mesej kesedaran wanita. Pemilihan kata daripada baris ayat yang dicipta, selari dengan watak yang dihasilkan dalam karya *Hatimu Aisyah* terutama pada pendukung watak utama iaitu Aisyah. Pengarang membina watak Aisyah sebagai wanita yang berperwatakan lemah lembut dan menurut perintah manakala bagi watak ibu Aisyah hanya berperanan sebagai watak sampingan yang tidak mempunyai kesedaran atas tindakan yang dilakukan tanpa memikirkan kesan dan akibatnya.

## 5.0 Kesimpulan

*Hatimu Aisyah* karya Zurinah Hassan yang sarat memaparkan watak-watak wanita di samping



menimbulkan persoalan wanita menerusi gaya bahasa tersendiri, boleh ditanggapi sebagai sebuah novel feminisme. Kajian ini dianalisis menggunakan model bahasa dalam pendekatan ginokritik gagasan Elaine Showalter. Karya novel ini jelas menunjukkan bahawa pengarang menggunakan bahasa yang sesuai selaras dengan gagasan Elaine Showalter. Meskipun begitu, pengarang agak kurang menyerlah mengarapkan gaya bahasa kerana masih dalam keterbatasan keadaan sosiobudaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Namun, pengarang berusaha mengetengahkan isu-isu wanita meskipun dalam keadaan yang terkawal. Secara jelas menerusi pendekatan ginokritik ini, dapat dilihat perbezaan gaya bahasa lelaki dan wanita dalam menilai dan melakar, peranan serta kepentingan seseorang wanita dalam hidup bermasyarakat. Manfaat dan kepentingan kajian ini pada masa akan datang adalah untuk mendedahkan kritikan dan protes oleh golongan wanita menerusi karya yang di ketengahkan meskipun corak penulisan masih terkawal.

## Rujukan

- Berita Harian. (2016, March 20). Corak Penulisan Wanita Tidak Berubah. Capaian dari *Berita Harian*:<https://www.bharian.com.my/node/135262>.
- Bernama. (2016, April 27). Zurinah Hassan terima Anugerah Sasterawan Negara Ke-13. Capaian dari *Berita Harian*:<https://www.bharian.com.my/node/147823>.
- Elizatul Nastaysah Kamaruddin, M. Z. (2017). Wanita Menurut Taklif: Satu Analisis Terhadap Watak Fatimah dalam Cerpen "Perempuan Gusti" dan "Fatimah Kahwin" Karya Hamzah. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu Dan Bahasa (PPIB)*.
- Felman, Shoshana. (1982) *Literature and Psychoanalysis: The Question of Reading Otherwise*. Baltimore: John Hopkins University Press.
- Nordin, N. S. A., & Ya, C. A. C. (2018). Watak Wanita Dalam Bidadari Dari Perspektif Ginokritik: Penelitian Psikologi Dan Budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2(4), 1-10.
- Rahman, N. A. (2005). *Puitika sastera wanita dalam novel-novel pengarang wanita Indonesia dan Malaysia: Satu bacaan ginokritik* (Doctoral dissertation, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia).
- Ratnawati, I.I. (2018). Eksistensi Perempuan Dalam Novel *Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan* Karya Ihsan Abdul Quddus: Tinjauan Kritik Sastra Feminis (Woman Existence In The Novel Of *Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan* By Ihsan Abdul Quddus: An Overview Of Feminism Literary Criticism). *Jurnal Bahasa, Sastra Dan Pembelajarannya (Jsp)*, 3(2), 236-243.
- Showalter, E. (1982). Feminist Criticism in the Wilderness. Dalam Abel, Elizabeth (ed.). In *Writing and Sexual Difference*. Chicago : University of Chicago Press. 9-36.
- Siti Khariah Binti Mohd Zubir. (2004). *Citra Wanita dalam Novel-novel Melayu daripada perspektif pengarang Wanita*. Universiti Putra Malaysia: Tesis Ijazah Doktor Falsafah.
- Zurinah Hassan. (1991). *Hatimu Aisyah*: Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

